

Teks Ucapan

YB Puan Lim Hui Ying
Timbalan Menteri KPWK

PROGRAM WANITA GIG AND BUSINESS IN TECHNOLOGY 2026
(WANITA GIGABIT 2026)

Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur | 28 Julai 2026 (Selasa) |
12.00 Tengah Hari

Yang Berusaha Encik Mohd Daud bin Mohd Arif

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Yang Berusaha Puan Hanani binti Sapit

Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi;

Rakan-Rakan Strategik;

Rakan-Rakan Media serta;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Selamat Tengah Hari, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada pengacara majlis **Puan Irin Putri binti Azmi**, pembaca doa, **Encik Sarifuddin bin Sairi** dan jurubahasa, **Puan Azlina Mohamed Isa**.

Pertamanya, saya ingin merakamkan rasa syukur dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan para hadirin sekalian pada Majlis Perasmian Program Wanita Gig and Business in Technology 2026 (Wanita Gigabit 2026) pada hari yang penuh bermakna ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atas komitmen berterusan dalam menganjurkan program yang amat signifikan ini. Inisiatif seperti Wanita Gigabit bukan sekadar sebuah program latihan, malah merupakan platform strategik untuk memperkasa wanita agar lebih bersedia menghadapi cabaran dan merebut peluang dalam ekonomi digital yang semakin berkembang.

Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua rakan strategik, panel jemputan, wakil industri, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan serta para peserta yang hadir pada hari ini. Kehadiran dan sokongan semua pihak membuktikan bahawa agenda memperkasa wanita merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama rentas sektor.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Kita kini berada dalam era transformasi digital yang berkembang dengan begitu pantas. Teknologi seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence atau AI), ekonomi gig, analitik data dan perdagangan elektronik bukan sahaja mengubah landskap ekonomi, malah turut mengubah cara kita bekerja, berniaga dan menjalani kehidupan seharian.

Jika suatu ketika dahulu peluang untuk memulakan perniagaan sering dibatasi oleh kekangan modal dan lokasi, hari ini teknologi digital telah merapatkan jurang tersebut. Dengan hanya sebuah telefon pintar, capaian internet dan kemahiran digital, seseorang mampu membina perniagaan, memasarkan produk ke seluruh negara malah ke peringkat antarabangsa.

Perubahan ini membuka ruang yang amat besar kepada wanita untuk muncul sebagai usahawan digital, profesional teknologi, pencipta kandungan, pembangun inovasi serta peneraju ekonomi masa hadapan. Namun, peluang ini hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya wanita terus diperkasa dengan ilmu, kemahiran digital, literasi teknologi dan keyakinan diri untuk meneroka bidang-bidang baharu.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga Mei 2026 kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah 57.3 peratus, berbanding 82.9 peratus bagi lelaki. Jurang ini menunjukkan masih banyak ruang untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi negara, khususnya melalui peluang pekerjaan yang lebih fleksibel, keusahawanan digital dan ekonomi gig.

Dalam masa yang sama, perkembangan ekonomi digital negara amat memberangsangkan. Berdasarkan Malaysia Digital Economy 2025, pendapatan e-dagang Malaysia bagi sembilan bulan pertama tahun 2025 mencecah RM937.5 bilion, manakala 96.8 peratus isi rumah mempunyai akses internet pada tahun 2024. Statistik ini membuktikan bahawa ekonomi digital bukan lagi pilihan, tetapi telah menjadi antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Hadirin yang dihormati,

Selaras dengan aspirasi Malaysia Digital 2030 (MD2030), Kerajaan menyasarkan ekonomi digital menyumbang 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) serta mewujudkan 500,000 pekerjaan digital bernilai tinggi menjelang tahun 2030. Pada masa yang sama, Agenda Negara AI turut memberi penekanan kepada pembangunan ekosistem

kecerdasan buatan yang inklusif, beretika dan mampan agar manfaat teknologi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat.

Dalam membicarakan AI, kita perlu melihat teknologi ini sebagai rakan yang meningkatkan keupayaan manusia, bukannya menggantikan manusia. AI mampu membantu kita bekerja dengan lebih pantas, lebih cekap dan lebih produktif.

Hari ini, seorang usahawan kecil boleh menghasilkan bahan promosi dalam masa beberapa minit dengan bantuan AI. Peniaga boleh menganalisis trend pelanggan dengan lebih tepat, pencipta kandungan mampu menjana idea dengan lebih kreatif, manakala pelajar dan pekerja pula dapat mengakses maklumat dengan lebih pantas dan meningkatkan produktiviti mereka.

Namun, seperti mana-mana teknologi baharu, AI juga hadir bersama cabarannya. Penyalahgunaan teknologi seperti deepfake, manipulasi imej, penipuan identiti, penipuan kewangan dalam talian dan penyebaran maklumat palsu semakin membimbangkan.

Menurut statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia, sebanyak 66,204 kes penipuan dalam talian direkodkan pada tahun 2025 dengan jumlah kerugian mencecah RM2.97 bilion. Statistik ini menjadi peringatan bahawa selain menguasai teknologi, kita juga perlu melengkapkan diri dengan literasi digital dan kesedaran keselamatan siber.

Wanita khususnya perlu memahami cara melindungi data peribadi, mengenal pasti penipuan digital, menggunakan AI secara beretika serta membuat keputusan yang bertanggungjawab dalam dunia digital.

Hadirin yang saya kasihi,

Selaras dengan aspirasi Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan terus komited memperluaskan peluang kepada wanita melalui latihan kemahiran, pembangunan kapasiti, pemeraksanaan digital dan program keusahawanan.

Matlamat kita bukan sekadar meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi, tetapi memastikan wanita mempunyai keupayaan untuk berkembang, berdaya tahan dan bersaing dalam ekonomi masa hadapan.

Namun demikian, usaha ini tidak boleh digalas oleh kerajaan semata-mata. Kejayaannya bergantung kepada kerjasama erat antara sektor awam, sektor swasta, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan serta pemain industri. Kolaborasi strategik inilah yang akan membentuk ekosistem yang benar-benar menyokong pembangunan potensi wanita secara menyeluruh.

Saya amat menghargai sokongan semua pihak yang telah menjayakan Program Wanita Gigabit 2026. Saya percaya kerjasama seperti ini akan terus membuka lebih banyak peluang kepada wanita untuk menimba ilmu, membina rangkaian profesional dan meneroka peluang ekonomi yang lebih mampan.

Hadirin sekalian,

Saya berharap setiap peserta memanfaatkan sepenuhnya ilmu, pengalaman dan jaringan yang diperoleh sepanjang program ini. Jadikanlah ia sebagai pemangkin untuk meningkatkan keyakinan diri, mengembangkan potensi, meneroka peluang baharu dan menjana pendapatan yang lebih mampan.

Saya juga ingin menyeru agar lebih ramai wanita berani melangkah ke hadapan untuk meneroka bidang teknologi, keusahawanan digital dan ekonomi masa hadapan. Jangan sesekali membataskan kemampuan diri. Sebaliknya, jadikan setiap perubahan sebagai peluang untuk terus belajar, berinovasi dan mencipta kejayaan.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan terus menjadi rakan strategik yang menyediakan sokongan, bimbingan dan peluang kepada wanita agar mereka terus maju, berdaya saing dan mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Wanita atas kejayaan menganjurkan Program Wanita Gigabit 2026.

Semoga program ini menjadi titik tolak kepada lahirnya lebih ramai wanita yang berani meneroka teknologi, memimpin inovasi dan menjadi pemacu kepada ekonomi digital negara.

Burung merpati terbang ke awan,
Hinggap sebentar di hujung laman;
Wanita diperkasa, teknologi dijadikan teman,
Bersama melakar masa depan yang gemilang.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Program Wanita Gig and Business in Technology 2026 (Wanita Gigabit 2026).

Sekian

Terima kasih.

